

KHAMIS

10 08
2017

BH

VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

1 INOVASI

Alat pengering makanan laut berfungsi siang malam

15

PASCASISWAZAH

Galak industri pemakanan sihat

Gejala ponteng kuliah

Antara alasan diberikan mahasiswa terabbit



Kenderaan rosak




Hujan



Kehadiran ke kuliah tidak penting, asalkan belajar



Berasa tidak sihat



Bos di tempat kerja tidak beri kebenaran pulang awal



Tiada orang jaga rumah



Terpaksa menjaga adik



Tidak meminati pengajaran pensyarah



Mengikut kawan ponteng



Tidak meminati bidang pengajian diikuti



Pensyarah pilih kasih



Tidak mengutamakan tanggungjawab sebagai mahasiswa



Terlalu aktif dalam aktiviti kokurikulum



Sekadar terikut-ikut budaya rakan sebaya melanjutkan pelajaran



Sibuk berniaga



Menghabiskan masa terlalu lama melayan permainan video



Tidur lewat



Mengantuk



Sibuk menyertai aktiviti luar kuliah



PONTENG KULIAH



→ Mahasiswa abai matlamat asal memasuki universiti, tanggung akibat merugikan diri

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Gara-gara mengabaikan matlamat asal memasuki menara gading, segelintir mahasiswa terjebak gejala ponteng kuliah sehingga menanggung akibat cukup merugikan dari segi masa, tenaga, kewangan, prestasi dan potensi diri mereka.

Antara impak ‘menyakitkan’ daripada sikap lalai itu ialah gagal

dalam peperiksaan dan terpaksa mendudukinya semula, mengulang semester pengajaran serta lebih buruk lagi, dibuang universiti kerana melanggar ketetapan syarat atau peraturan berkaitan.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Laily Paim, berkata mahasiswa terabbit tidak meletak kehadiran ke kuliah sebagai keutamaan, lebih-lebih lagi didorong tanggapan bahawa kemajuan teknologi moden kini boleh membantu mereka mendapatkan maklumat dengan mudah ‘di hujung jari’ melalui Internet. **V2/3**

redaksi

Pengarang Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali

Timbalan Pengarang Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham Othman

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
Percetakan & Digital
Rosli Safar

Pengarang Eksekutif
Berita / Rencana / Digital
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Bersekutu Mingguan / BH2
Azhar Abu Samah

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop
Mohd Feroz Abu Bakar

Penolong Ketua Penyunting:
Rosdi Ismail

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Syuhada Choo Abdullah
Mohd Zin Mohd Ali

Penolong Editor Grafik & Reka Letak:
Ismady Md Yusof

+ Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Ekssekutif Pentadbiran:
Norhayati Yahya

Penyunting Ekssekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Ekssekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Illustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Mohd Kahiro Nizam Roslan

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787 samb 5108

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN

Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akbar NSTP 31, Jalan Riung,
59100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2724 8999
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riung, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengalaman gagal menghadiri kuliah dan terlepas pengajaran pensyarah kerana terlewat bangun akibat penat bekerja hingga lewat malam, mencetuskan perasaan bersalah dalam diri Hanis Athirah Hamza'ah, 24, sekali gus berazam untuk tidak mengulanginya.

Ketika itu, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan dan Keusahawanan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berkenaan mencari duit poket sebagai promoter separuh masa di sebuah pusat beli-belah terkemuka yang menututnya bekerja lebih masa.

Mengambil kira jarak tempat tinggalnya di Setiawangsa dan perlu menaiki pengangkutan awam ke kampus dalam keadaan diri sudah terlambat, beliau terpaksa mengambil keputusan untuk tidak ke kuliah pada pagi itu.

"Ada seorang rakan saya yang juga mahasiswa

pula ponteng kuliah dan pergi menonton wayang berikutnya sikap pensyarah yang terlalu pilih kasih dengan menumpukan perhatian terhadap kumpulan pelajar tertentu," katanya.

Tangani faktor

Berkongsi lanjut, Hanis Athirah mengaku mahasiswa yang ponteng kuliah bukan sahaja tidak memperoleh ilmu tambahan daripada pensyarah tetapi juga kerugian masa dan berisiko mendapat markah tidak bagus.

Beliau memberikan kes contoh diketahuinya mengenai seorang mahasiswa terpaksa menduduki semula kertas dan membayar yuran tambahan bagi mata pelajaran terbabit selepas didapati membawa secara sorok nota ringkas kecil mengandungi maklumat topik ke dalam dewan peperiksaan.

Katanya, pelajar yang beberapa kali tidak menghadiri kuliah itu memberi alasan bertindak sedemikian kerana ketinggalan maklumat daripada pensyarah dan tidak sempat mengulang kaji pelajaran.

Sehubungan itu, beliau berkata, langkah universiti menetapkan

peraturan berkaitan ponteng kuliah yang membabitkan impak dihalang menduduki peperiksaan dan perlu mengulang semester, adalah bagus.

Bagaimanapun secara keseluruhan, katanya, faktor berbangkit seperti sikap pensyarah yang pilih kasih dan cara pengajaran tidak menyeronokkan sehingga membantu minat pelajar ke kuliah, juga perlu ditangani.

Sikap individu

Bagi Yang Diperlukan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaya (UM) Sesi 2016/2017, Hazwan Syafiq Haznain, gejala ponteng kuliah yang berlaku dalam kalangan mahasiswa adalah bergantung kepada sikap individu.

Berbeza dengan sekolah, katanya, mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti adalah pelajar cemerlang, justeru harus menyedari tanggungjawab diri di kampus dan matang membuat keputusan untuk hala tuju masa depan.

Dalam konteks ini, beliau berkongsi kisah seorang rakan universiti memberi alasan lewat ke kelas kerana tinggal jauh dari kampus tetapi yang

melucukan ialah hakikatnya pelajar itu menginap di kolej kediaman berdekatan dewan kuliah.

"Sikap ponteng kuliah akan mengakibatkan beberapa risiko jika tidak dikawal, antara lain terlepas ilmu bermanfaat, membazir yuran pengajian dan gagal menjadi graduan yang bagus," katanya.

Presiden MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mohd Afi Haziq Sapili, berkata masalah ponteng kuliah perlu diberi perhatian menyeluruh oleh pihak pengurusan universiti, pensyarah dan mahasiswa bagi mengelakkananya daripada berterusan.

Katanya, sikap 'ambil peduli' itu penting demi memastikan masa depan mahasiswa dibina bersama kecemerlangan akademik dan nilai insaniah.


Di UMS, beliau berkata, peraturan menetapkan bahawa mahasiswa ponteng kuliah sehingga tiga kali dan lebih akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.

"Pensyarah juga akan menasihati mahasiswa bermasalah dari segi kehadiran atau komitmen dalam kuliah supaya dapat menunjukkan prestasi positif," katanya.



Mahasiswa pula harus berfikir mengenai niat asal mereka memasuki universiti, iaitu sudah pasti ialah untuk ke kuliah dan belajar"

Hanis Athirah Hamza'ah,
Mahasiswa Ijazah Sarjana
Muda Pentadbiran
Perniagaan (Kepujian)
Pengurusan dan
Keusahawanan, UniKL



Menghadiri kuliah adalah tanggungjawab hakiki mahasiswa di kampus, terutama untuk menguasai ilmu diberikan pensyarah.

[FOTO HIASAN]



Ramai mahasiswa ponteng kuliah atas alasan tidak larat bangun awal kerana mengantuk.

Risiko terbawa-bawa sikap negatif ke alam pekerjaan

Kuala Lumpur: Mahasiswa yang tidak mengikis tabiat ponteng kuliah berisiko terbawa-bawa sikap negatif seumpama itu apabila mencebur i bidaan kerjaya nanti.

Pegawai Psikologi Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nur Farhana Sulaiman, berkata mereka yang menunjukkan gejala sedemikian akan sukar mempamerkan prestasi kerja cemerlang, sebaliknya dilihat sebagai individu bermasalah.

"Oleh itu, mahasiswa

terbabit harus berubah sikap negatif, bijak menguruskan jadual dan tahu memberi keutamaan yang sepatut mengikut keadaan semasa," katanya.

Nur Farhana berkata, ada segelintir mahasiswa mendakwa terpaksa ponteng kuliah kerana mencebur bisnes pemasaran pelbagai peringkat (MLM) dan perlu menghadiri aktiviti anjur syarikat terbabit seperti kempen atau seminar hingga lewat malam.

Terlalu mengantuk

Akibatnya, beliau berkata, mereka kepenatan dan ter-

lalu mengantuk sehingga tidak larat bangun awal untuk menghadiri kuliah pada pagi keesokan.

Sebilangan syarikat terbabit meletakkan syarat ahli mendapatkan *downline* dalam jumlah tertentu, menyebabkan mahasiswa yang menyertai bisnes itu gigih berhubung dengan orang ramai sehingga mengetepikan tanggungjawab utama di kampus.

Beliau berkata, segelintir mahasiswa yang berdepan masalah ponteng kuliah pula menyatakan faktor ketiadaan minat

terhadap bidang pengajian diikuti, memasuki universiti atas paksaan keluarga dan malas.

"Walaupun bidang diikuti tidak menepati minat, mereka harus berusaha meneruskan pengajian dan bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab sebagai mahasiswa kerana elemen komitmen sebegini dikehendaki majikan.

"Sehubungan itu, harus ada perancangan awal, termasuk menyediakan jadual pengurusan belajar dan aktiviti harian," katanya.

Tidak pandai urus masa, tiada disiplin diri

← Dari V1

Berdasarkan pengalaman sebagai pensyarah selama 30 tahun, beliau mendapati pelbagai alasan mendorong permasalahan ponteng kuliah dalam kalangan mahasiswa, namun rata-rata berpunca daripada sikap sendiri.

"Kebanyakan mereka tidak pandai menguruskan masa dan tiada disiplin diri sehingga mengambil mudah terhadap keperluan menghadiri kuliah," katanya.

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Madya Dr Afandi Ahmad, berkata trend ponteng kuliah timbul ekoran sindrom 4K, iaitu komputer, katil, kuhiran dan kafeteria.

Dalam konteks ini, beliau

berkata, ketaasuhan melayari alam siber, mengakses media sosial dan melayan permainan video dalam masa lama menyebabkan ada mahasiswa sanggup mengetepikan tanggungjawab hakiki di kampus.

Kesan awal

Tabiat tidur lewat dan secara tidak normal pula mengakibatkan mereka sukar bangun awal pada pagi keesokan, sekali gus terlepas waktu atau berasa malas ke kuliah.

"Sindrom kuliah dan kafeteria menyaksikan mahasiswa yang tiada matlamat jelas di universiti lebih menyukai gaya hidup santai, mengikut ragam kawan, melepak tanpa tujuan dan menyampingkan kehadiran ke kuliah."

"Akhirnya, keutamaan terhadap tugas, menyelesa-

saikan projek berkumpulan dan membuat persediaan menghadapi peperiksaan, semua dilepaskan," katanya.

Dr Afandi berkata, simptom gejala itu boleh dikesan awal, antara lain tidak menyertai kerja berkumpulan dan tidak aktif dalam kuliah, termasuk ketinggalan dalam kuiz, sehingga memperoleh markah rendah yang menjaskankan prestasi pencapaian.

Bagi mengatasi permasalahan itu, katanya, pelbagai pihak perlu memainkan peranan dengan mendekati golongan terbabit, mengenal pasti punca serta memberi nasihat supaya mereka berasa diberikan perhatian.

Beliau berkata, usaha pihak universiti menggariskan peraturan bahawa mahasiswa perlu memenuhi sekurang-kurang 80 peratus

jumlah kehadiran ke kuliah untuk membolehkan mereka menduduki peperiksaan, juga membantu menangani isu berkenaan.

Beri nasihat

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Rohana Yusof, turut mengaku trend ponteng kuliah wujud dalam kalangan mahasiswa di negara ini tetapi bilangan terbabit adalah kecil.

Katanya, antara faktor dikenal pasti ialah terlalu aktif menyertai kegiatan di luar kuliah dan kokurikulum, sibuk menjalankan bisnes serta tidak mampu membayar yuran pengajian.

Selain itu, kurang meminati bidang yang diikuti dan pulang ke kampus pada waktu larut

malam, sekali gus tidak larat bangun awal untuk ke kelas pagi keesokannya.

Begitupun, beliau berkata, UM tidak menggaris peraturan mewajibkan kehadiran ke kuliah kerana selaku pelajar cemerlang, mereka perlu dilayan sebagai orang dewasa, belajar menjadi matang dengan sendiri, lebih mementingkan tanggungjawab dan bijak berfikir.

"Dekan dan pensyarah UM sentiasa berusaha memberi nasihat, selain melaksanakan pengajaran lebih interaktif bagi memastikan mahasiswa mencapai prestasi bagus," katanya.

Banyak ketinggalan

Sementara itu Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan UM, Dr Azuraida Shahadan, berkata ramai mahasiswa yang terpaksa bekerja

mencari duit poket, sering menganggap wang lebih penting daripada tanggungjawab menghadiri kuliah.

Beliau berkata, bahkan mereka yang bekerja pada waktu malam lazimnya kepenatan dan terlepas kelas pada keesokannya, terutama kuliah pagi.

Faktor lain ialah terpengaruh dengan tindakan rakan sebaya enggan menghadiri kuliah dan lebih gemar menghabiskan masa bersama melakukan aktiviti luar.

"Mahasiswa tidak menghadiri kuliah lazim banyak ketinggalan menguasai ilmu diberikan pensyarah, malah adakala terlepas ujian atau tugas yang menjelaskan markah penilaian dan secara langsung memberi impak pada prestasi keseluruhan mereka," katanya.

Reaksi



Sikap sedemikian jika tidak berubah, boleh membawa risiko seperti kerugian bayaran yuran pengajian dan masa, malah melahirkan graduan kurang berkualiti, terutama dari aspek prestasi kelulusan serta nilai insaniah"

Prof Dr Laily Paim,
Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM



Punca lain ialah tidak bijak menguruskan jadual harian, memasuki universiti bukan atas kehendak diri tetapi desakan keluarga, melanjutkan pelajaran semata-mata mengikut budaya lepasan sekolah, gemar bersosial hingga lewat malam dan kabur akan matlamat menjakkan kaki di menara gading"

Prof Madya Dr Afandi Ahmad,
Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat) UTHM